

**LAPURAN TAHUNAN DAN AKAUN
YANG TELAH DIODIT**

BAGI

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
TAHUN 1978**

**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
KEMENTERIAN PERTANIAN**

KANDUNGAN

1. LEMBAGA	1
1.1 Penubuhan dan Tugas Lembaga	1
1.2 Organisasi Lembaga – Ahli Lembaga Jawatankuasa Kerja	1
1.3 Organisasi FAMA	3
2. PENTADBIRAN DAN KEWANGAN	4
2.1 Perjawatan dan Kakitangan	4
2.2 Latihan dan Kursus	4
2.3 Kewangan	5
3. PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN	6
3.1 Penyelidikan dan Penyiasatan	6
3.2 Aktiviti Memproses Data	7
3.3 Kajian Pemasaran/Pengeluaran	7
3.4 Projek Pembangunan Wilayah yang Disatukan	8
4. PROJEK PEMBANGUNAN	10
4.1 Kemajuan Perlaksanaan Projek Pembangunan	10
4.2 Kemajuan Pengurusan Projek Pembangunan	11
5. PEMASARAN	12
5.1 Perkhidmatan Pemasaran	12
5.2 Kemajuan Pasaran	12
5.3 Rancangan Kawalan Pemasaran	14
6. LAPURAN KETUA ODIT NEGARA MENGENAI KIRA-KIRA FAMA BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31HB. DISEMBER, 1978 DAN PENYATA-PENYATA KEWANGAN FAMA BAGI TAHUN 1978	16
7. CARTA ORGANISASI FAMA 1978	55

1. LEMBAGA

1.1 Penubuhan dan Fungsi FAMA

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) ialah sebuah badan berkanun kerajaan di bawah Kementerian Pertanian yang telah ditubuhkan pada 30hb. September, 1965 dengan termaktubnya Akta 49, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965; dan Akta 141, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, 1965 (Pindaan), 1974.

Mengikut fasal 3(1), Bahagian 11, Akta tersebut, fungsi yang dipertanggungjawabkan ke atas FAMA adalah seperti berikut:

- (a) Untuk menyelaras aktiviti-aktiviti di bidang pemasaran hasil-hasil pertanian oleh orang perseorangan atau badan-badan pertubuhan (samada dikanunkan atau tidak dan samada di dalam perkhidmatan kerajaan atau sebaliknya) yang terlibat atau mungkin terlibat di dalam sebarang bidang pemasaran hasil-hasil pertanian.
- (b) Untuk mempertimbangkan dan memajukan, jika perlu, cara-cara di mana pasaran dan cara pemasaran hasil-hasil pertanian dapat diperbaiki; dan untuk mencari serta memajukan pasaran baru dan luang-luang pasaran baru bagi hasil-hasil pertanian.
- (c) Untuk berkerjasama dengan orang perseorangan atau pertubuhan (samada dikanunkan atau tidak dan samada di dalam perkhidmatan kerajaan atau sebaliknya) bagi menggalakkan kecekapan dan kekesan dalam pemasaran hasil-hasil pertanian.
- (d) Untuk menggalakkan dan memajukan pengurusan dan cekap dan berkesan bagi perusahaan-perusahaan yang mengendalikan pertanian atau memproses hasil-hasil pertanian.
- (e) Untuk menyediakan dan mengawasi kemudahan-kemudahan kredit bagi pemasaran hasil-hasil pertanian dan memastikan bahawa kemudahan-kemudahan tersebut digunakan dengan sepenuhnya; dan
- (f) Untuk menyertai di dalam perusahaan-perusahaan pertanian atau perusahaan memproses hasil-hasil pertanian.

Bidang dan hasil-hasil pertanian yang dipertanggungjawabkan untuk dikendalikan oleh FAMA meliputi semua hasil-hasil pertanian selain daripada getah, kelapa sawit, nenas, padi dan beras, ikan ternakan dan tembakau.

1.2. Organisasi Lembaga

1.2.1. Ahli Lembaga

Lembaga mempunyai 13 orang ahli yang terdiri daripada Pengerusi, Ketua Pengarah dan 11 orang ahli-ahli lain yang terdiri dari 6 orang ahli resmi dan 5 orang ahli tidak resmi yang dilantik oleh Y.B. Menteri Pertanian.

Ahli-Ahli Resmi

1. Pengerusi Lembaga – Y.B. Datuk Ishak b. Haji Pateh Akhir
2. Ketua Pengarah – Encik Ariffin b. Said
3. Wakil Perbendaharaan – Encik Jaafar b. Mat
4. Wakil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian – Encik Ahmad b. Saadi
5. Wakil Kementerian Pertanian – Puan Nuraizah bt. Abdul Hamid
6. Wakil Bahagian Pertanian, Kementerian Pertanian – Y.B. Datuk Hj. Khalid bin Abdul Rahman
7. Wakil Kementerian Perusahaan Utama – Encik Ismail b. Hj. Ahmad
8. Wakil Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri – Puan Faizah bt. Mohd. Tahir

Ahli-Ahli Tidak Resmi

1. Y.B. Encik Lat b. Kassim
2. Encik Mohd. Mazlan b. Idris
3. Encik Wan Lokman b. Datuk Wan Ibrahim
4. Dato Hj. Abdullah b. Hj. Sudin
5. Wakil Lembaga Pertubuhan Peladang – Tuan Hj. Mohd. Sarji b. Abd. Hamid

1.2.2. Jawatankuasa Kerja

Di samping itu, dua Jawatankuasa Kerja telah juga ditubuhkan bagi mengendalikan pengurusan pentadbiran dan kewangan Lembaga iaitu Jawatankuasa Kerja Perjawatan dan Jawatankuasa Kerja Kewangan dengan mempunyai empat orang Ahli Jawatankuasa.

Ahli Jawatankuasa Kerja Perjawatan

1. Wakil Kementerian Pertanian
2. Wakil Perbendaharaan
3. Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam
4. Y.B. Encik Lat bin Kassim

Ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Kewangan

1. Wakil Kementerian Pertanian
2. Wakil Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
3. Wakil Perbendaharaan
4. Y.B. Dato' Haji Abdullah bin Sudin

Sepanjang tahun 1978, Lembaga telah bersidang sebanyak dua kali; Jawatankuasa Kerja Perjawatan telah bersidang sebanyak tiga kali; dan Jawatankuasa Kerja Kewangan pula telah bersidang sebanyak dua kali.

1.2.3. Organisasi FAMA

Organisasi Ibu Pejabat FAMA adalah dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu:-

- (i) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
- (ii) Bahagian Perancang dan Penilaian
- (iii) Bahagian Kemajuan Projek
- (iv) Bahagian Pemasaran

Di peringkat negeri, terdapat 11 buah Ibu Pejabat FAMA negeri untuk negeri-negeri Kedah/Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan/Melaka, Johor, Pahang, Kelantan, Trengganu, Sabah dan Sarawak.

Carta organisasi FAMA bagi 1978 adalah seperti yang dilampirkan.

2. PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

Matlamat Bahagian ini ialah untuk mewujudkan dan melaksanakan sistem pentadbiran termasuk bekalan yang cekap dan berkesan di semua peringkat; di samping mengadakan kakitangan yang berkelayakan, terlatih dan berdisiplin untuk melaksanakan tugas-tugas Lembaga. Sementara itu, ianya juga bertanggungjawab untuk menguruskan kumpulan-kumpulan wang Lembaga yang terdiri daripada Kumpulan Wang Mengurus, Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan/Perumahan.

2.1. Perjawatan dan Kakitangan

Kedudukan perjawatan dan kakitangan Lembaga pada tahun 1978 adalah seperti yang dijadualkan berikut:

Kumpulan	Bilangan Jawatan Tambahan 1978	Bilangan Kakitangan 1978
A	2	50
B	4	50
C	29	144
D	52	71
	<hr/>	<hr/>
JUMLAH	87	315

Sebanyak 87 jawatan baru telah diluluskan bagi tahun 1978 menjadikan jumlah jawatan kesemuanya di Lembaga ialah 315. Di dalam tahun 1978, sebanyak 52 jawatan telah dibuat pengambilan kakitangan dan 8 perletakan jawatan. Pada penghujung tahun 1978, langkah-langkah awal telah dimulakan untuk memenuhi jawatan-jawatan yang telah diluluskan bagi tahun 1979. Pengambilan kakitangan Pusat Memproses Kelapa Kering Sebangau, Sarawak telah dilakukan. Kesukaran telah dihadapi di dalam memenuhi jawatan Jurutera Awam dan Akauntan; dan berikutan dari itu jawatan Akauntan telah ditukarkan kepada jawatan Pegawai Kewangan bagi memudahkan pengambilan kakitangan.

2.2. Latihan

Sejumlah 76 orang kakitangan (26 dari jumlah kakitangan) telah dihantar untuk berkursus di pelbagai Institusi latihan di dalam negeri iaitu terdiri daripada 14 orang kumpulan A, 22 orang kumpulan B, 36 orang kumpulan C dan 4 orang kumpulan D. Pihak Lembaga telah tidak menghantar kakitangan untuk mengikuti Kursus di Seberang Laut oleh kerana kesukaran mendapat biasiswa. Walau bagaimanapun, dua orang pegawai masih menuntut di Hawaii di bawah biasiswa Fulbright dan seorang daripadanya telah menamatkan kursus selama 11 bulan di Filipina dan balik memulakan semula tugas. Di samping itu, Lembaga juga telah menghantar pegawai-pegawainya untuk mengikuti kursus di luar kampus di Universiti Sains Malaysia bagi memberi peluang untuk meningkat kelayakan mereka.

FAMA juga telah menyediakan kemudahan-kemudahan untuk latihan bagi pelajar-pelajar daripada Institusi-Institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Pertanian Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Institut Teknologi MARA dan Politeknik Ungku Omar untuk mendapat latihan ilmiah, khususnya, di bidang kajian pemasaran. Kemudahan latihan tersebut diberikan untuk jangkamasa 1 – 6 bulan.

2.3 Kewangan

Penyata kira-kira Lembaga bagi tahun 1975 termasuk kira-kira pusat memproses/kilang projek perniagaan telah selesai dioditkan. Odit pemasaran ke atas kira-kira tahun 1976 telah juga dimulakan. Penyata kewangan bagi tahun 1977 telah disediakan, tetapi ianya belum dapat dioditkan. Satu langkah telah diambil untuk membuat penyeliaan yang rapi ke atas kerja-kerja kewangan/perakaunan di peringkat negeri. Di samping itu, 50 kes si berhutang lapuk telah diambil tindakan undang-undang.

Sebanyak 40 permohonan pinjaman wang kenderaan telah diluluskan dengan jumlah sebanyak \$236,850. Jumlah pinjaman kenderaan yang masih diuruskan ialah sebanyak 84 pinjaman. Sebanyak 11 permohonan pinjaman wang perumahan telah diluluskan menjadikan jumlah pinjaman yang diuruskan dalam tahun 1978 sebanyak 25 dengan nilai mencapai \$1,116, 278.

3. PENYELIDIKAN DAN PENYIASATAN

Matlamat aktiviti ini ialah untuk mengadakan cukup maklumat pasaran kepada petani-petani dan lain-lain pihak bagi membolehkan perancangan kegiatan-kegiatan pertanian.

3.1 Penyelidikan dan Penyiasatan

Lima penyiasatan telah dijalankan pada tahun 1978 meliputi barangan seperti kopi, ikan air tawar, kelapa, koko, dan sayur-sayuran. Di samping itu, satu kajian mengenai buah-buahan telah dilaksanakan juga dalam tahun 1978. Tujuan penyiasatan ini adalah untuk mengumpul maklumat penting mengenai keluasan kawasan tanaman, jumlah dan kadar penghasilan/pengeluaran, masalah-masalah pengeluaran dan pemasaran; anjuran permintaan dan alirarah harga.

(i) Penyiasatan Pengeluaran Kopi

Penyiasatan ini telah dijalankan pada akhir bulan Disember 1977 dan selesai di pertengahan bulan Mac 1978. Ianya dilaksanakan di negeri Selangor meliputi 4 daerah utama pengeluaran kopi iaitu Kelang, Kuala Langat, Sepang dan Kuala Selangor. Maklumat-maklumat yang diperolehi telah digunakan untuk memastikan luas kawasan yang ditanam dan jumlah serta hasil puratanya.

(ii) Penyiasatan Pengeluaran dan Pemasaran Ikan Air Tawar

Penyiasatan ini telah dilaksanakan bagi seluruh Semenanjung Malaysia meliputi peringkat penternak dan peraih. Jangkamasa perlaksanaannya ialah selama 4 bulan mulai pertengahan bulan Januari sehingga awal bulan Jun 1978. Penyiasatan juga telah dilanjutkan kepada peringkat restoran di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai permintaan, hubungan antara pembekal dan pemilih restoran, cara-cara menghidang dan jenis ikan air tawar yang disukai ramai. Maklumat-maklumat yang diperolehi adalah digunakan untuk menentukan jumlah bekalan dan pengeluaran ikan air tawar di negara ini untuk digunakan dalam kempen "makanlah lebih ikan air tawar" dijalankan di seluruh negara.

(iii) Penyiasatan ke atas Potensi Bekalan Kelapa

Penyiasatan ini telah dijalankan di Kuala Trengganu mulai daripada pertengahan bulan April sehingga pertengahan bulan Jun 1978 meliputi peringkat penanaman dan peraih. Tujuan utamanya ialah untuk mengutip data-data penting seperti bekalan kelapa dan lain-lain bagi mempertimbangkan pembinaan sebuah pusat memproses kelapa kering di Kuala Trengganu.

(iv) Penyiasatan Pengeluaran dan Pemasaran Koko

Penyiasatan ini telah dijalankan di negeri Sarawak mulai awal Julai sehingga akhir Ogos 1978 meliputi peringkat menanam dan peraih. Ianya telah dilaksanakan di daerah-daerah utama dan daerah-daerah kecil pengeluaran koko seperti Beliang, Nonok, Pandan, Simungah dan Kelaka. Penyiasatan ini adalah kajian asas untuk mengenal pasti satu kawasan yang sesuai untuk didirikan sebuah pusat memproses koko di wilayah ini.

(v) Penyiasatan Pengeluaran dan Pemasaran Sayur-Sayuran

Penyiasatan ini telah dijalankan di daerah pengeluaran sayur-sayuran tanah tinggi di Kundasang, Sabah dari akhir bulan Oktober sehingga pertengahan bulan November 1978 meliputi jenis sayur-sayuran yang berdaun dan tidak berdaun. Maklumat-maklumat yang diperolehi ialah mengenai keluasan tanaman, jumlah pengeluaran, pemasaran dan pemeringkatan dan aspek-aspek permintaan serta harga.

(vi) Ketetapan Maklumat Asas Mengenai Pengeluaran Buah-Buahan Tempatan yang Bermusim

Kajian ini telah dijalankan di negeri Trengganu dan Kelantan bagi memastikan jangkamasa berbunga, jangkamasa berputik, membesar dan masak; dan jangkamasa memungut hasil. Kajian ini dijalankan pada awal Oktober dan selesai pada Disember 1978.

3.2 Aktiviti-aktiviti Memproses Data

Pada tahun ini, pusat komputer statistik telah digunakan untuk memproses, mengumpul dan menyusun data perangkaan, analisa siri masa, analisa harga dan anjurannya, analisa correlation dan regression, penilaian projek-projek dengan menggunakan nisbah kos faedah (cost benefit ratio) dan kadar pulangan modal (internal rate of return). Hasilnya ialah pelbagai pengiraan statistik dapat disempurnakan dengan lebih cepat, tepat dan berkesan.

Pengutipan harga bagi sayur-sayuran, tanaman untuk minuman (beverages) dan kelapa di peringkat ladang telah dipungut di beberapa pusat di Cameron Highland, Tangkak, Kulai, Sabak Bernam, Bagan Datok, Kuala Selangor, Banting, Batu Pahat dan lain-lain pusat. Selanjutnya, harga buah-buahan tempatan bermusim di peringkat ladang juga telah dikumpulkan bagi daerah-daerah di seluruh negara. Harga-harga barangan ini telah diperolehi dari pusat-pusat pengumpulan maklumat terletak di Kuala Lumpur, Ipoh, Melaka, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuantan, Kuala Trengganu, Alor Star, Kuching dan Kota Kinabalu.

Kesemua maklumat harga ini dikumpul/disusun dan dianalisiskan. Penyebaran maklumat harga yang telah dianalisa dilakukan menerusi pelbagai penerbitan seperti warta barangan, buletin komoditi, perangkaan komoditi sukutahunan dalam bentuk laporan-laporan biasa. Di samping itu, penyebaran maklumat ini juga dibuat melalui masa media seperti RTM dan akhbar tempatan.

3.3 Kajian Pemasaran/Pengeluaran

(i) Kajian Pengesanan Pengeluaran Buah-Buahan Bermusim

Tujuan kajian ini ialah untuk menentukan masa berbunga, berputik, sehingga masak dan masa memungut hasil bagi pelbagai buah-buahan bermusim dengan tujuan untuk mengesan masa pengeluarannya di musim yang berikut bagi semua daerah di Kelantan dan Trengganu. Kajian ini membolehkan Lembaga membuat anggaran dan anjuran kadar dan jumlah pengeluaran bagi tiap-tiap musim.

(ii) Kajian Kemungkinan ke atas Pemerosesan Air Tembikai

Kajian kemungkinan untuk memproses tembikai menjadi air tembikai telah dilakukan meliputi aspek-aspek teknik memproses dengan menemuduga kilang-kilang mengetin yang mempunyai pengalaman yang berkaitan di bidang pemerosesan air tembikai.

(iii) Kajian ke atas Dasar Perusahaan berasas Pertanian

Kajian ke atas dasar perusahaan berasaskan pertanian yang berkaitan dengan buah-buahan, sayur-sayuran, kacang tanah dan lain-lain tanaman pekebunan telah dilakukan. Laporan kajian ini telah dikemukakan kepada Y.B. Menteri Pertanian.

(iv) Kajian ke atas Kemajuan Barangan

Kajian tahunan bagi meneliti kemajuan dan perkembangan di dalam perusahaan kelapa, koko dan kopi telah terus dijalankan pada tahun ini. Penyelidikan ke atas faktor-faktor yang mempengaruhi pemasaran kelapa dan kopra terhadap pusat memproses FAMA telah dijalankan pada tahun ini. Satu kajian yang sama telah dijalankan mengenai penawaran/pembekalan kopi terhadap pusat memproses koko FAMA di Banting.

(v) Kajian Kos Pengeluaran Jidar Pemasaran dan Potensi Pemasaran

Kajian kos pengeluaran telah dijalankan dan disiapkan merangkumi pelbagai bidang barangan dan meliputi kawasan pembelian utama di seluruh negara. Di samping itu, kajian jidar pemasaran telah juga dijalankan dan disiapkan meliputi pelbagai bidang barangan dan mengesan kesemua segi kos pemasaran yang terlibat dari peringkat pembelian sehingga penggunaan. Kajian potensi pasaran untuk 21 jenis barangan pertanian bagi tahun 1979 telah dijalankan dan disiapkan.

(vi) Perakuan Bulanan Kuota Import Kobis

Lembaga telah meneruskan perkhidmatannya di Jawatankuasa Penasihat pemasaran sayur-sayuran dengan cara membentangkan kertas kerja bulanan mengenai kuota import kobis. Kajian bulanan tentang harga, pembelian dan penggunaan kobis telah dikemukakan pada Jawatankuasa ini untuk pertimbangan dan seterusnya dipanjangkan kepada Kementerian Perusahaan dan Perindustrian bagi perlaksanaannya. Kajian susulan juga telah dilakukan bagi menilai keberkesanan kuota terhadap harga kobis.

(vii) Kutipan Harga Bagi Buah-Buahan Import

Kutipan percubaan bagi tujuan mencuba format yang telah dirangkakan oleh FAMA untuk buah-buahan import telah dilaksanakan pada penghujung tahun ini. Kutipan harga ini meliputi harga borong dan runcit.

3.4 Projek Pembangunan Wilayah yang Disatukan

Berikutan daripada dasar Kementerian Pertanian untuk melancarkan projek pembangunan wilayah yang disatukan seperti projek wilayah Barat Daya

Selangor, Projek Wilayah Pahang Barat, Projek Wilayah Negeri Sembilan Timur, ianya telah melibatkan FAMA di dalam perkhidmatan pemasaran yang diperlukan seperti pemerosesan, penyimpanan, bilik sejuk, pengangkutan, pemeingkatan mutu, pusat-pusat pemasaran dan kemudahan-kemudahan pasar borong di kawasan-kawasan projek tersebut.

4. PROJEK PEMBANGUNAN

4.1. Kemajuan Pelaksanaan Projek Pembangunan

(i) Pusat Pemasaran Hasil Pertanian

Sungguhpun 24 buah pusat pemasaran hasil pertanian telah diluluskan untuk Rancangan Malaysia Ketiga, tetapi kajian semula separuh penggalnya telah menjadual semula pelaksanaan 5 buah pusat pemasaran hasil pertanian kepada Rancangan Malaysia Keempat. Tujuan pusat-pusat ini ialah untuk membantu petani untuk mengendalikan luang-luang pasaran hasil pertanian di bawah Rancangan Buku Hijau. Pusat-pusat ini juga akan diperluaskan dengan kemudahan memproses yang akan memberi khidmat ini kepada petani.

(ii) Pusat Memproses Kopra

Kerja-kerja pembangunan telah dilaksanakan bagi 8 buah pusat memproses kopra yang pada asalnya telah diluluskan untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

(iii) Kilang Minyak Kelapa

3 buah kilang minyak kelapa telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ketiga iaitu di Bachok, Hilir Perak dan Kudat. Pembinaan kilang minyak kelapa di Bachok telah dimulakan pada tahun 1978. Di samping itu kilang minyak kelapa di Hilir Perak adalah di dalam proses perantaraan juru perunding swasta bagi pembinaannya. Kertas kerja pinjaman untuk projek ini telah disediakan untuk dikemukakan kepada Perbendaharaan.

Penyelidikan dan kajian kemungkinan projek minyak kelapa di Kudat telah disediakan dalam tahun 1978. Walaupun terdapat satu tapak yang dipilih untuk projek ini, tetapi ianya terletak di kawasan perumahan dan satu tapak pilihan yang lain terpaksa dicari untuk menggantikannya.

(iv) Pusat Memproses Koko

Kertas kerja untuk memperolehi pinjaman Perbendaharaan bagi projek pusat memproses koko Sabak Bernam telah disediakan dan dikemukakan pada tahun 1978. Pusat memproses koko di Hilir Perak yang pada asalnya dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 1978 telah dibatalkan di bawah kajian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

(v) Pusat Memproses Kerepek Pisang

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, FAMA telah diperuntukan untuk membina tiga buah pusat memproses kerepek pisang di Batu Kurau, Jerantut dan Kuala Kerai. Dalam tahun 1978, kajian kemungkinan bagi projek-projek ini telah disediakan untuk dikemukakan kepada pihak Perbendaharaan bagi mendapatkan pinjaman wang pembiayaan projek.

(vi) Pusat Menggred dan Membersih Lada Hitam

Pusat menggred dan membersih lada hitam di Johor Bahru, Kuching

dan Sarikai adalah merupakan projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Projek-projek ini telah dibawa ke Rancangan Malaysia Ketiga dan di akhir tahun 1978, pembinaan ketiga-tiga buah pusat ini hampir siap kecuali belum diperlengkapkan dengan mesin-mesin yang berkenaan.

4.2 Kemajuan Pengurusan Projek Pembangunan

Dalam tahun 1978, sejumlah 7 buah kilang telah diuruskan. Jumlah urusniaga yang dikendalikan oleh kesemua kilang-kilang tersebut di atas adalah seperti jadual yang berikut di mana nilai belian ialah sebanyak \$1.43 juta sementara jumlah urusniaga jualan ialah sebanyak \$1.83 juta. Pecahan urusniaga belian dan jualan bagi kilang-kilang tersebut adalah seperti berikut:

Nama Kilang	Jumlah Urusniaga	
	Belian	Jualan
Kilang Kopi Banting	\$ 177,836	\$ 462,494
Kilang Kacang Tanah Pasir Mas	\$ 23,687	\$ 18,284
Pusat Memproses Kelapa Kering Sabak Bernam	\$ 355,458	\$ 382,715
Pusat Memproses Kelapa Kering Hilir Perak	\$ 400,072	\$ 440,612
Pusat Memproses Kelapa Kering Rengit, Johor	\$ 248,492	\$ 272,033
Pusat Memproses Kelapa Kering Bachok, Kelantan	\$ 231,198	\$ 254,308
	Jumlah Belian:	\$1,830,446

5. PEMASARAN

5.1. Perkhidmatan Pemasaran

(i) Perkhidmatan Jualbeli Hasil Pertanian

Untuk memperbaiki sistem pemasaran hasil pertanian, FAMA telah menyertai secara langsung dalam pasaran dengan cara pembelian hasil pertanian daripada petani bagi membantu mereka memasarkan hasil tersebut. Ini adalah sejajar dengan dasar kerajaan untuk memodenkan dan memperdagangkan (commercialisation) sektor pertanian di kalangan pekebun-pekebun kecil. Di samping itu, bantuan belian hasil-hasil pertanian di masa kecemasan telah dilakukan seperti pemasaran ayam di MADA akibat krisis kemarau dalam tahun 1978.

Dalam tahun 1978, projek ini secara langsung telah memasarkan sejumlah \$2.36 juta hasil pengeluaran pertanian termasuk ayam di bawah projek bantuan MADA (\$0.59 juta). Sejumlah 16 jenis barangan seperti kelapa biji, kelapa kering, kacang tanah, ubi kayu, koko, kopi, ayam dan telur, buah-buahan dan sayur-sayuran. Di negeri Sarawak FAMA juga telah menyediakan perkhidmatan pemasaran secara langsung dengan mengendalikan koko dan menggalakkan jualan eksport keluaran mentah pertanian untuk memperluaskan pasaran hasil tersebut.

Kesan usaha-usaha ini dapat dilihat dalam bentuk bantuan FAMA kepada petani-petani untuk menyediakan ruang pasaran tambahan dengan harga yang berpatutan. Usaha ini telah mengujudkan keadaan persaingan dan pertandingan yang sihat di pasaran di mana pihak petani telah mendapat pulangan yang sewajarnya bagi usaha dan hasil pertanian mereka. Di samping itu, ianya juga boleh menggalak dan memajukan perkembangan barangan pertanian yang mempunyai potensi pasaran yang baik dengan tersedianya ruang pasaran melalui FAMA.

(ii) Perkhidmatan Mengatur Pasaran

Di bawah perkhidmatan ini, Lembaga tidak terlibat secara langsung menjualbeli hasil-hasil pertanian; tetapi pihak petani memasarkan hasil mereka dengan mempergunakan tempat-tempat atau pembeli-pembeli yang sedia ada. Di sebaliknya, FAMA telah memberi bantuan dalam bentuk pengangkutan dan mendapatkan harga yang memuaskan semasa hasil pertanian dipasarkan. Dalam tahun 1978, FAMA telah memberi bantuan memasarkan hasil-hasil pertanian kepada petani-petani perseorangan dan juga pertubuhan-pertubuhan belia dan peladang. Dengan cara ini, petani-petani boleh membiasakan diri dengan lebih giat lagi untuk melibatkan diri dalam pemasaran hasil pertanian.

5.2 Kemajuan Pasaran

Kegiatan ini bertujuan untuk memperluaskan pasaran barangan pertanian; mendapatkan pasaran baru dan cara-cara baru penggunaan barang sampingan; dan menyediakan maklumat bagi membantu petani-petani dalam menentukan bagaimana hendak mengeluarkan hasil pertanian yang bermutu baik dan bertepatan dengan permintaan dan masa.

(i) Mencetak Buku-buku Risalah

Buku risalah telah dikemaskinikan dan dicetak semula untuk barangan seperti pisang, betik, tembikai dan risalah FAMA. Risalah-risalah ini telah disebar kepada orang ramai.

(ii) Memajukan Pasaran Kopi Anggerek

Usaha-usaha memajukan kopi anggerek telah dibuat melalui pengiklanan di akhbar, penyebaran poster dan pembungkusan yang lebih menarik di dalam tin.

(iii) Jenama Kacang Tanah

Jenama kacang tanah keluaran FAMA telah ditukarkan dari jenama 'Peacock' kepada 'Kijang Emas' mengambil sempena Negeri Kelantan sebagai tempat pengeluaran dan pengilangan kacang tanah.

(iv) Buku Panduan Barangan Malaysia

Buku panduan barangan Malaysia telah dicetak dengan menunjukkan jenis barangan yang dimajukan oleh FAMA keluar negeri. Buku-buku ini telah disebar keluar negeri melalui rombongan dan pameran perdagangan antarabangsa.

(v) Risalah FAMA

Risalah FAMA telah dicetak khusus untuk disebar keluar negeri.

(vi) Panduan Mengeksport

Risalah ini juga telah dibuat sebagai panduan kepada peniaga-peniaga di luar negeri mengenai pengeksport bagi barangan yang hendak dimajukan oleh FAMA.

(vii) Sachet Contoh Barangan

Sachet bagi contoh-contoh barangan yang disebar keluar negeri telah dibuat supaya kelihatan lebih cantik dan menarik.

(viii) Pesta dan Pemasaran Dalam Negeri

Pada tahun 1978, FAMA telah mengambil bahagian di dalam 22 pesta samada di peringkat daerah, negeri atau kebangsaan.

(ix) Kempen Pusat-pusat Pemasaran

Pada tahun 1978, FAMA telah menjalankan kempen ke atas pusat-pusat pemasaran pertanian di Tanjung Karang, Selangor dan Parit Raja, Johor untuk menggalakkan petani-petani membawa hasil mereka ke pusat ini.

(x) Pameran dan Rombongan Perdagangan Luar Negeri

FAMA telah menyertai pameran perdagangan ke Saudi Arabia, Libya dan Kuwait pada bulan April sehingga Mei 1978. Pada bulan Oktober 1978, FAMA telah menyertai perdagangan barangan ASEAN di sini dan rombongan perdagangan ke New Zealand telah dilakukan pada bulan November, 1978.

5.3 Rancangan Kawalan Pemasaran

(i) Pelaksanaan Kawalan Pemasaran

Tujuan rancangan kawalan pemasaran ini ialah untuk mengurangkan amalan curang dan penyelewengan dalam pemasaran di kalangan peniaga-peniaga hasil-hasil pertanian dengan cara perlesenan dan kawalan serta pengawasan urusan niaga terhadap penggunaan alat timbang, urusan niaga dengan resip, bayaran secara tunai, mengemukakan butiran urusan niaga kepada FAMA dan seterusnya mempamerkan papan tanda niaga bagi harga belian atau jualan.

Dalam tahun 1978, rancangan kawalan pemasaran yang telah dikuatkuasa meliputi barangan seperti kopi di negeri Selangor, buah kelapa dan kelapa kering di negeri Perak, Kelantan, Trengganu dan Pulau Pinang, sayur-sayuran bagi kawasan yang tertentu di negeri Johor dan lada hitam di Johor dan Sarawak. Rancangan kawalan pemasaran lada hitam adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pemasaran Lada Hitam. Tujuannya ialah untuk mengawal lada hitam kepada pasaran eksport dan bagi memajukan jualan lada hitam Malaysia di pasaran luar negeri serta untuk memelihara dan meninggikan nama baik Malaysia sebagai pengeksport lada hitam yang bermutu di pasaran dunia.

Dalam tahun 1978, sejumlah 269 peniaga kopi termasuk 162 telah dilesenkan oleh Lembaga. Perlesenan yang dibuat untuk peniaga buah kelapa dan kelapa kering ialah sejumlah 844 orang termasuk 317 pemeroses. Bilangan peniaga sayur-sayuran yang dilesenkan ialah 364 orang. Untuk rancangan pemasaran lada hitam adalah seramai 576 lesen diluluskan bagi tahun 1978. Kerja-kerja penguatkuasaan rancangan kawalan pemasaran ini telah diteruskan dalam tahun 1978 memastikan pelesen-pelesen mematuhi syarat-syarat perlesenan dan peruntukan-peruntukan rancangan tersebut.

(ii) Cadangan Rancangan Kawalan Pemasaran

a) Rancangan Penguatkuasaan Kacang Tanah

Aturan-aturan rancangan untuk melesen kacang tanah telah dipertimbangkan dan diluluskan oleh Lembaga dan seterusnya dikemukakan kepada Y.B. Menteri Pertanian untuk dilaksanakan di negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Perak. Aturan-aturan ini akan membolehkan pihak Lembaga melesenkan pembeli-pembeli kacang tanah serta mengawas aktiviti-aktiviti perniagaan dengan tujuan untuk menentukan harga yang adil kepada petani dan menghapuskan kemungkinan penyelewengan dalam pemasaran.

b) Rancangan Penguatkuasaan Sayur-sayuran

Rancangan penguatkuasaan sayur-sayuran telah dilaksanakan pada 1hb. Mei, 1975 di Johor Bahru dengan tujuan untuk melesenkan dan mengawas aktiviti-aktiviti perniagaan ini. Aktiviti-aktiviti ini adalah dipusatkan di peringkat borong di Tampoi. Kajian-kajian juga telah dijalankan dalam tahun 1978 bagi menentukan kemungkinan untuk meluaskan rancangan ini di luar negeri Johor.

c) Rancangan Penguatkuasaan Buah-buahan

Garis kasar aturan-aturan mengenai rancangan penguatkuasaan buah-buahan telah dirangka dengan tujuan untuk mengatur peringkat-peringkat pembelian awal buah-buahan tempatan di Semenanjung Malaysia. Ianya akan dikemukakan kepada pihak Y.B. Menteri setelah mendapat persetujuan ahli-ahli Lembaga. Adalah dicadangkan bahawa aturan-aturan ini mula digunakan di kawasan pengeluaran buah-buahan terbesar seperti di negeri Perak dan Johor.

d) Rancangan Pemasaran Koko

Rancangan ini telah dikemukakan kepada Y.B. Menteri Pertanian untuk kelulusan pada awal 1978 dan kemudiannya diwartakan di bawah Akta FAMA. Kajian awalan telah dilakukan bagi meluaskan rancangan ini meliputi aspek-aspek mutu biji koko untuk eksport dan penubuhan 5 buah pusat pemeringkat mutu, penyimpanan dan pengesahan koko di Butterworth, Kelang, Johor Bahru, Tawau dan Kuching.

6. Laporan Ketua Odit Negara mengenai kira-kira FAMA bagi tahun berakhir 31hb. Disember, 1978 dan Penyata Kewangan dikepikan bersama-sama ini.

**LAPORAN KETUA ODIT NEGARA MENGENAI
KIRA-KIRA LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 1978**

Kunci Kira-kira Yang Disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota kepada Kira-kira yang berkembar ini telah diperiksa di bawah arahan saya mengikut Akta Odit, 1957. Semua kenyataan dan keterangan yang dikehendaki telah didapati kecuali apa yang dinyatakan di bawah ini.

Tertakluk kepada pemerhatian-pemerhatian yang berikut, pada pendapat saya Kunci Kira-kira Yang Disatukan dan Kira-kira serta Nota-nota tersebut telah diperbuat dengan cara yang betul untuk menunjukkan satu kenyataan yang benar dan munasabah mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan pada 31 Disember 1978 dan urusan-urusan berkaitan dengannya bagi tahun berakhir pada tarikh itu.

PENYERAHAN KIRA-KIRA

2. Draf Penyata Kira-kira bagi tahun berakhir 31 Disember 1978 berserta dengan jadual-jadual yang berkenaan telah diserahkan pada kali pertamanya kepada pihak saya dalam bulan September 1981. Oditan atas Penyata Kira-kira itu mendedahkan beberapa kesilapan dan ketinggalan dan Penyata tersebut dikembalikan untuk dipinda. Penyata Kira-kira yang muktamad bagi tahun berakhir 31 Disember 1978 telah diserahkan kepada pihak saya dalam bulan Januari 1983.

KAWALAN DALAM

3. Seperti yang dinyatakan di perenggan 3 Laporan Odit lalu, kawalan dan penyeliaan atas urusan-urusan kewangan dan perakaunan pada amnya adalah kurang memuaskan. Masaalah-masaalah pengesahan perbelanjaan, pendapatan dan penerimaan timbul disebabkan sebahagian rekod-rekod atau dokumen-dokumen penyokong tidak dikemukakan untuk diodit. Perbelanjaan berjumlah \$31,091 bagi empat pejabat tidak disokong dengan resit atau akaun penerimaan. Inbois-inbois jualan berjumlah \$3,460 bagi satu pejabat dan inbois-inbois belian bagi 1 pejabat lain bagi seluruh tahun 1978 tidak dikemukakan untuk diodit. Juga penyata-penyata bank bagi 4 akaun bank bagi tahun 1978 tidak dikemukakan untuk diodit. Buku stok untuk mengawal penerimaan dan pengeluaran borang resit dan inbois tidak diselenggarakan dengan memuaskan di dua pejabat. Tambahan pula, buku stok untuk bahan-bahan mentah dan barang-barang di satu pejabat tidak diselenggarakan dan di dua pejabat lagi tidak diselenggarakan dengan memuaskan. Beberapa perbelanjaan yang tidak selaras dengan peraturan-peraturan Kerajaan telah dilakukan. Walaupun pemerhatian-pemerhatian odit telah dikeluarkan atas perkara-perkara yang tersebut di atas, dalam beberapa kes saya masih belum menerima jawapan-jawapan daripada pihak Lembaga.

KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN

HARTA TETAP

Pusat-pusat Memproses – \$1,277,586.54

4. Jumlah \$1,277,587 ini ialah nilai bersih bagi semua harta tetap di 7 Pusat-pusat Memproses Lembaga. Walau bagaimanapun, daftar harta tetap tidak diselenggarakan di semua Pusat-pusat Memproses Lembaga bagi harta tetap berjumlah \$1,450,365 (Kos). Terbit daripada ini saya tidak dapat mengesahkan kebetulan nilai harga dan ketentuan tempat harta-harta tersebut.

Tanah – \$98,077.80

5. Saya masih belum melihat surat-surat hakmilik untuk tanah-tanah di Banting, Sabak Bernam, Bagan Datoh, Pasir Mas, Bachok, Rengit dan Sebangon yang perbelanjaannya berjumlah \$98,078. Oleh itu, saya tidak dapat mengesahkan bahawa tanah-tanah itu sebenarnya hakmilik Lembaga. Walau bagaimanapun adalah dimaklumkan bahawa pihak FAMA sedang dalam proses untuk memperolehi surat-surat hakmilik daripada pejabat-pejabat Tanah yang berkenaan.

Si Berhutang Pelbagai – \$2,848,692.06

6. Termasuk dalam jumlah \$2,848,692 ini ialah pendahuluan sebanyak \$2.55 juta kepada Jemaah Pemasaran Lada Hitam bagi maksud pembangunan sementara menunggu wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Walaupun demikian, pendahuluan itu masih belum dibayar balik oleh Jemaah itu sehingga sekarang oleh kerana perundingan bagi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan masih belum diselesaikan. Juga daripada jumlah \$2,848,692 ini, tidak kurang daripada \$52,000 adalah hutang-hutang lama yang tidak bergerak semenjak tahun 1975. Pihak Lembaga patut mengambil tindakan yang lebih berkesan untuk memungut hutang-hutang itu atau menimbangkan jika peruntukan untuk hutang ragu perlu disediakan.

Si Berhutang Pendahuluan – \$84,412.25
Pendahuluan kepada Pekerja – \$1,257.23

7. Daripada pendahuluan-pendahuluan di atas, sebanyak \$51,800 adalah hutang-hutang yang tidak bergerak semenjak tahun 1975. Pihak Lembaga patut mengambil tindakan yang lebih berkesan dan sesuai untuk memungut hutang-hutang itu.

TANGGUNGAN

Kumpulanwang Perniagaan
Kerugian Terkumpul – \$958,921.61

8. Kira-kira Untung dan Rugi Kumpulan Wang Perniagaan bagi tahun berakhir 31 Disember 1978 menunjukkan kerugian bersih sebanyak \$29,721 berbanding dengan keuntungan bersih sebanyak \$60,166 dalam tahun 1977. Terbit daripada ini kerugian terkumpul sebanyak \$929,201 pada akhir tahun 1977 telah meningkat kepada \$958,922 pada akhir tahun 1978. Oleh yang demikian, baki daripada \$1 juta yang telah diuntukkan oleh Lembaga untuk menjalankan aktiviti ini ialah \$41,078. Jualan bagi tahun 1978 ialah \$2.27 juta berbanding dengan \$1.81 juta bagi tahun 1977 iaitu berlebihan sebanyak \$46,000, manakala kos jualan telah bertambah dengan sebanyak \$44,000 dari \$1.69 juta dalam tahun 1977 kepada \$2.13 juta dalam tahun 1978. Berdasarkan kepada angka-angka ini, nisbah kos jualan dengan jualan bagi tahun 1977 dan 1978 tidak berubah, iaitu

1 : 1.07. Pihak FAMA perlu mengkaji semula aktiviti perniagaan ini dengan mendalam, dengan tujuan memperbaiki nisbah kos jualan supaya mendapat keuntungan kasar yang cukup menampung perbelanjaan overhead.

Pusat-pusat Memproses

Kerugian Terkumpul – \$789,156.64

9. Enam daripada tujuh pusat memproses FAMA, termasuk Pusat Memproses Kelapa Kering Sebangon yang telah dimulakan operasi dalam tahun 1978, telah mengalami kerugian sebanyak \$216,758 dalam tahun 1978 manakala satu lagi memperolehi keuntungan sebanyak \$40,757. Terbit daripada ini kerugian terkumpul sebanyak \$613,156 pada akhir tahun 1977 telah meningkat kepada \$789,157 pada akhir tahun ini. Tindakan perlulah diambil untuk mengkaji semula aktiviti ini dengan menyemak semula pengurusan pusat-pusat memproses itu dan polisi menetapkan harga-harga belian dan jualan untuk memperbaiki kedudukan kewangan pusat-pusat memproses itu.

KUMPULANWANG BIASA PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Perbelanjaan

Percetakan Kalender – \$48,040.00

10. Jumlah \$48,040 ini merupakan kos mencetakkan 15,000 kalender bagi tahun 1979. Walau bagaimanapun saya telah diberitahu oleh pihak Lembaga bahawa tender tidak dipelawa dan ini adalah bertetangan selaras dengan amalan biasa bagi pembekalan ini. Terbit daripada ini saya tidak dapat memastikan jika harga yang telah dibayar untuk kalender bagi tahun 1979 adalah berpatutan dan bersesuaian.

KUMPULANWANG PERNIAGAAN

Am

11. Menurut Penyata Kira-kira FAMA Negeri Trengganu bagi tahun 1978, tidak ada sebarang aktiviti perniagaan dijalankan sepanjang tahun ini. Saya masih belum diberitahu mengapakah aktiviti perniagaan tidak dijalankan dalam tahun 1978. Juga buku-buku resit penerimaan bagi tahun 1978 tidak dikemukakan untuk diodit. Terbit daripada ini saya tidak dapat menentukan kebetulan penerimaan sebanyak \$13,188 dalam tahun ini. Tambahan pula, saya masih belum diberitahu mengapakah 73 keping resit tidak ditunjuki dalam buku wang tunai.

PERKARA AM

Anggaran Belanjawan

12. Anggaran Perbelanjaan sejumlah \$5,809,400 telah diluluskan oleh Menteri Pertanian dalam Anggaran Belanjawan FAMA bagi tahun 1978. Walaupun jumlah perbelanjaan sebenar sebanyak \$5,557,756 bagi tahun 1978 tidak melebihi anggaran yang diluluskan, jumlah perbelanjaan sebenar atas 10 butiran telah melebihi anggaran perbelanjaan yang diluluskan dengan sebanyak \$422,845. Saya masih belum melihat kelulusan Lembaga atas kelebihan perbelanjaan itu.

Perkara Yang Belum Selesai

13. Selain daripada perkara-perkara yang belum selesai daripada Laporan-laporan Odit yang lalu atau yang diulang dalam Laporan ini, perkara yang disenaraikan di bawah ini juga masih belum selesai.

LAPORAN ODIT TAHUN 1977

Perenggan

13

Perkara

Kerugian kebakaran –
\$28,806.83

Butir-butir

Saya masih belum melihat kelulusan Lembaga untuk menghapus-kira nilai bangunan sebanyak \$28,807 dan stok bernilai \$3,084.

(Lee Siew Kuan)
b.p. KETUA ODIT
NEGARA.

KUALA LUMPUR,
20 Januari 1983.

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN PADA 31HB. DISEMBER, 1978

1977			
\$	Kumpulan Wang Biasa	\$	\$
444,561.24	Baki pada 1.1. 1978	230,011.05	
200,000.00	Tolak: Pindahan Ke kumpulan Wang Pusingan Kenderaan	—	
244,561.24 (14,550.19)	Campur: Pendapatan Melibih Perbelanjaan	230,011.05 268,738.71	
— 51,674.20	Pindahan Harta Dari Kumpulan Wang Pembangunan (Nota 6) Projek Dalam Perlaksanaan	154,586.59 33,228.00	
281,685.25 6,886,596.55	Kumpulan Wang Pembangunan		686,564.35 7,918,793.58
	Kumpulan Wang Perniagaan		
1,000,000.00 929,201.05	Wang Pusingan Tolak: Kerugian Terkumpul	1,000,000.00 958,921.61	
70,798.95			41,078.39
	Pusat-Pusat Memproses		
1,105,856.36 613,156.36	Modal (Nota 7) Tolak: Kerugian Terkumpul	1,471,930.48 789,156.64	
492,700.05 47,355.50	Campur: Projek Dalam Perlaksanaan	682,773.84 110,203.50	
540,055.55 450,000.00 539,485.03	Kumpulan Wang Kenderaan Kumpulan Wang Perumahan (Nota 9)		792,977.34 450,000.00 1,230,000.00
	TANGGUNGAN SEMASA		
781,644.33 144,263.69	Sipiutang Pelbagai dan Akrua Overdra Bank Modal Equity dari Persatuan Peladang	839,378.04 —	
76,000.00 6,190.00	Negeri Kelantan Untuk Projek Kacang Tanah (Nota 8) Wang Pertaruhan	76,000.00 22,090.00	
1,008,098.02			937,468.04
9,776,719.35			12,056,881.70

t.t

(ABU BAKAR B. ABDUL HAMID)
Pengarah
Bahagian Pentadbiran, Kewangan & Kejuruteraan,
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Malaysia

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

KUNCI KIRA-KIRA YANG DISATUKAN PADA 31HB. DISEMBER, 1978

1977	HARTA TETAP (NOTA 1)	Kos	Susutnilai Terkumpul	Baki
\$		\$	\$	\$
103,188.49	Kumpulan Wang Pembangunan	232,538.83	155,614.33	76,924.50
108,217.86	Kumpulan Wang Biasa	717,268.26	471,671.94	245,596.32
38,314.70	Kumpulan Wang Perniagaan	69,608.67	45,149.70	24,458.97
977,685.19	Pusat-Pusat Memproses	1,450,365.00	172,778.46	1,277,586.54
1,227,406.24		<u>\$2,469,780.76</u>	<u>\$ 845,214.43</u>	1,624,566.33

**PERBELANJAAN MODAL ATAS
PROJEK-PROJEK BELUM SIAP (NOTA 2)**

7,861.00	Pusat Memproses Kelapa Kering Sebahagian	—		
—	Pusat Memproses Kelapa Kering K. Selangor		6,607.00	
—	Pusat Memproses Kelapa Kering Tumpat		52,154.00	
39,494.50	Pusat Memproses Koko – Sabak Bernam		39,505.50	
—	Pusat Memproses Kelapa Kering Kuala Langat		390.00	
—	Kilang Minyak – Bagan Datoh		11,047.00	
51,674.20	Pusat Pemasaran Hasil-hasil Pertanian		33,228.00	
—	Pusat Memproses Koko Bagan Datoh		500.00	
99,029.70			<u>143,431.50</u>	

HARTA SEMASA

212,778.00	Stok (Nota 3)	225,383.99		
3,350.00	Stok Dalam Perjalanan	1,184.00		
350,700.27	Siberhutang Perniagaan (Nota 4)	438,431.81		
—	Siberhutang Pengangkutan	2,282.88		
2,521,506.04	Siberhutang Pelbagai	2,848,692.06		
616,921.13	Siberhutang Perumahan	926,949.60		
293,557.80	Siberhutang Kenderaan	356,892.88		
84,503.19	Siberhutang Pendahuluan	84,412.25		
1,238.03	Pendahuluan Kepada Pekerja	1,257.23		
41,618.70	Pertaruhan	42,803.70		
2,430.00	Cagaran	690.00		
20,485.14	Faedah Terakru	106,229.51		
51,685.68	Bayaran Terdahulu	57,875.43		
2,322,042.93	Simpanan Tetap	2,838,731.60		
1,427,249.90	Wang Dlam Bank	2,273,455.78		
465,551.63	Wang Dalam Perjalanan	46,582.16		
10,768.11	Wang Runcit	13,132.13		
23,896.86	Akaun Tergantung (Nota 5)	23,896.86		
8,450,283.41				<u>10,288,883.87</u>
<u>9,776,719.35</u>				<u>12,056,881.70</u>

t.t

(HJ. MOHD HARIRI B. ABU TAIF)
KMN, PJK, BSK
Ketua Pengarah
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan Malaysia.

ii (a)

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN
(Federal Agricultural Marketing Authority)
MALAYSIA

KUMPULAN WANG BIASA
KUNCI KIRA-KIRA PADA 31HB. DISEMBER, 1978

	Kos	Susutnilai Terkumpul	
Harta Tetap	<u>\$717,268.26</u>	<u>\$ 471,671.94</u>	\$ 245,596.32
Harta Semasa			
\$ 847,309.84	Siberhutang Pelbagai	415,357.72	
293,557.80	Siberhutang Kenderaan	356,892.88	
27,462.70	Bayaran Terdahulu	29,339.80	
41,518.70	Pertaruhan	42,703.70	
3,718.02	Faedah Terakru	2,360.48	
522,042.93	Simpanan Tetap	200,000.00	
170,652.49	Wang di Bank	1,252,863.60	
5,950.50	Wang Tunai	5,882.65	
	Wang Dalam Perjalanan	<u>2,130.00</u>	
1,912,212.98			2,307,530.83
\$2,020,430.84			\$2,553,127.15
Kumpulan Wang Terkumpul			
444,561.24	Baki pada 1.1.1978	230,011.05	
200,000.00	Tolak: Pindahan ke Kumpulan Wang Pusingan Kenderaan	<u>—</u>	
244,561.24 (14,550.19)	Campur: Pendapatan melebihi Per- belanjaan	230,011.05	
—	Pindahan Harta dari Kum- pulan Wang Pembangunan	268,738.71	
		<u>154,586.59</u>	
230,011.05			653,336.35
450,000.00	Kumpulan Wang Pusingan Kenderaan		450,000.00
958,884.61	Pendahuluan dari Kumpulan Wang Pembangunan		962,536.19
Tanggungan Semasa			
377,745.18	Sipiutang Pelbagai & Akruan	465,464.61	
3,790.00	Pertaruhan Penerimaan	21,790.00	
381,535.18			487,254.61
\$2,020,430.84			\$2,553,127.15

LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN

**KUMPULAN WANG BIASA
PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN UNTUK TAHUN
BERAKHIR 31HB DISEMBER, 78**

1977

PENDAPATAN		
5,460,000.00	Pemberian dari Kementerian	5,809,400.00
1,196,500.00	Tolak: Pemberian Subsidi & Caruman	1,213,725.00
4,263,500.00		4,595,675.00
Campur		
35,517.42	Faedah dari Simpanan Tetap	9,332.52
9,763.72	Faedah dari kira-kira semasa	19,409.11
7,324.03	Faedah dari pinjaman kenderaan	12,476.80
—	Faedah dari pinjaman perumahan	32,461.16
18,486.50	Pendapatan Lesen	18,103.11
3,915.92	Lain-lain Pendapatan	629.00
75,007.59		92,411.70
4,338,507.59		4,688,086.70
TOLAK PERBELANJAAN		
Gaji, Elaun & Kos Kakitangan		
1,881,768.47	Gaji & Upahan	2,226,804.26
63,384.73	Bonus	4,799.48
432,979.64	Tunggakan Gaji Lapuran Kabinet	—
29,981.20	Elaun Perumahan	14,798.65
5,100.00	Elaun Trengkas	3,787.50
18,824.04	Elaun galakan, Anak & Gangguan	21,372.85
29,111.98	Elaun Wilayah	34,310.47
4,900.00	Elaun Keraian	3,250.00
23,780.54	Elaun Bantuan Khas	8,565.00
6,335.00	Elaun Ahli Lembaga	2,900.00
16,836.94	Lain-Lain Elaun	3,038.52
93,915.00	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	117,883.00
101,736.00	Tabung Faedah Persaraan	119,090.00
20,142.30	Insuran Untuk Kakitangan	22,757.54
5,144.55	PERKESA	6,885.00
4,080.00	Caruman Pencen	1,552.00
2,738,020.39		2,591,794.27

Perkhidmatan & Bekalan

558,355.29	Pengangkutan & Perjalanan		
13,463.01	Kakitangan	623,855.79	
61,160.22	Tuntutan Perjalanan Ahli Lembaga	8,527.90	
15,315.08	Pengangkutan Seberang Laut	47,440.59	
8,211.43	Pengangkutan Barang Pos	14,337.12	
